



LEMBAGA PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA


# LAPORAN TAHUNAN 2010




## PERNYATAAN MISI

Menjadikan Malaysia Negara yang  
Berdaya Saing di Peringkat Global

# KANDUNGAN



<b>Lembaga Pengarah</b>	04
<b>Pengurusan</b>	06
<b>Perutusan Pengerusi</b>	08
<b>Perutusan Ketua Pengarah</b>	10
<b>Bab 1</b> Pengenalan	12
<b>Bab 2</b> Prestasi Sektor Perkilangan	18
<b>Bab 3</b> Prestasi Sektor Perkhidmatan	26
<b>Bab 4</b> Penggalakan Pelaburan Asing	34
<b>Bab 5</b> Penggalakan Pelaburan Domestik	42
<b>Bab 6</b> Penggalakan Pelaburan Seberang Sempadan	48
<b>Bab 7</b> Hubungan Antarabangsa	52
<b>Bab 8</b> Lembaga	58
<b>Penyata Kewangan</b>	64
<b>Ibu Pejabat, Pejabat Negeri dan Pejabat Seberang Laut</b>	83



# LEMBAGA PENGARAH



► **TAN SRI DR.  
SULAIMAN MAHBOB**

Pengerusi, MIDA

► **DATUK JALILAH  
BABA**

Ketua Pengarah, MIDA

► **TAN SRI ABDUL  
RAHMAN MAMAT**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri  
(hingga 5 Disember 2010)



► **TUAN HAJI HASHIM  
PAIJAN**

Setiausaha Tetap  
Kementerian Pembangunan  
Perindustrian, Sabah

► **DATUK LIAW SOON  
ENG**

Setiausaha Tetap  
Kementerian Pembangunan  
Perindustrian, Sarawak

► **DATUK AHMAD  
KABEER BIN NAGOOR**

Pengarah Eksekutif  
AKN Technology Berhad

► **TAN SRI DATUK  
MUSTAFA MANSUR**

Presiden  
Persatuan Pengilang-  
Pengilang Malaysia



► **DATUK DR. REBECCA FATIMA STA MARIA**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri  
(dari 6 Disember 2010)



► **DATO' SITI HALIMAH ISMAIL**  
Setiausaha  
Bahagian Analisa Cukai,  
Perbendaharaan



► **DATO' GHAZALI BIN DATO' YUSOFF**  
Pengerusi Eksekutif  
Nusantara Technologies  
Sdn. Bhd.



► **TAN SRI DATO'  
MUHAMMAD ALI BIN  
HAJI HASHIM**  
Pengerusi  
Waqaf An Nur Corporation  
Berhad



► **DATUK NG PENG HAY**  
Pengerusi  
Wellcall Holdings Berhad



► **DATO' AZMAN SHAH  
DATO' SERI HARUN**  
Presiden  
Persatuan Majikan-Majikan  
Malaysia



► **ZULKIFLY DATO'  
HAJI ZAKARIA**  
Presiden  
UMW Oil & Gas

# PENGURUSAN



**TAN SRI DR. SULAIMAN  
MAHBOB**  
Pengerusi, MIDA



**DATUK JALILAH BABA**  
Ketua Pengarah



**DATO' AFIFUDDIN ABDUL  
KADIR**  
Timbalan Ketua Pengarah I



**DATO' WAHAB HAMID**  
Timbalan Ketua Pengarah II



**N. PARAMESWARAN**  
Pengarah Kanan, Perkhidmatan



**RADHA MENON**  
Pengarah Kanan, Industri Sumber



**PHANG AH TONG**  
Pengarah Kanan, Pelaburan



**AZMAN MAHMUD**  
Pengarah Kanan,  
Industri Bukan Sumber



**WILLIAM HO YUEH WENG**  
Pengarah, Bahagian Khidmat Industri  
(hingga 13 Oktober 2010)



**KANG LAY KIM**  
Pengarah, Bahagian Pengurusan  
Maklumat dan Statistik



**HINDON ABDUL AZIZ**  
Pengarah, Bahagian Penggalakan  
Pelaburan Domestik



**PHANG YEW FOOK**  
Pengarah, Bahagian Industri  
Pengangkutan  
(hingga 19 Oktober 2010)



**AZIAN MOHD YUSOF**  
Pengarah, Bahagian Perkhidmatan  
Perniagaan dan Pelbagai



**N. SANGARAN**  
Pengarah, Bahagian Industri Jentera  
dan Sokongan Kejuruteraan



**N. RAJENDRAN**  
Pengarah, Penggalakan Pelaburan  
Asing, Zon Asia/Oceania  
(dari 14 Oktober 2010)



**YEOH HOCK ENG**  
Pengarah, Bahagian Industri Kimia



**INON ABDUL HAMID**  
Pengarah, Bahagian Industri Elektronik



**SIMON LEE YEW WENG**  
Pengarah,  
Bahagian Kerjasama Antarabangsa  
(hingga 27 Jun 2010)



**MANMOHAN SINGH**  
Pengarah,  
Bahagian Perancangan Strategik



**CHAI SIEW FOON**  
Pengarah, Bahagian Industri  
Tekstil dan Galian  
(dari 7 September 2010)  
Pengarah, Bahagian Industri Sains Hayat  
(hingga 6 September 2010)



**TAN PIAK BONG**  
Pengarah, Bahagian Logistik  
dan Operasi Serantau



**MATHIALAKAN CHELLIAH**  
Pengarah, Bahagian Industri  
Kayu dan Kertas



**K. SUKOMARAN**

Pengarah, Bahagian Industri Tekstil dan Galian  
Bukan Logam (*hingga 6 September 2010*)  
Pengarah, Bahagian Pelaburan Seberang Sempadan  
(*dari 7 September 2010 hingga 30 November 2010*)



**CHUA CHEE KIONG**  
Pengarah, Bahagian Industri  
ICT dan Elektrik  
(*hingga 27 Jun 2010*)



**HOO AH TENG**  
Pengarah, Penggalakan Pelaburan  
Asing, Zon Asia/Oceania  
(*hingga 2 Ogos 2010*)



**TENG YIT CHAN**  
Pengarah, Bahagian Komunikasi  
dan Media



**WAN HASHIM WAN JUSOH**  
Pengarah, Penggalakan Pelaburan  
Asing, Zon Amerika



**AHMAD MAT SIN**  
Pengarah, Bahagian Pengurusan  
Korporat  
(*hingga 1 September 2010*)



**MOHD RASLI MUDA**  
Pengarah, Bahagian Pengurusan  
Korporat  
(*dari 2 September 2010*)



**JASWANT SINGH**  
Pengarah, Bahagian Industri  
Sains Hayat  
(*dari 7 September 2010*)



**TAN CHEE CHAI**  
Pengarah, Bahagian Khidmat Industri  
(*dari 16 November 2010*)



**ZAINAB MUDA**  
Pengarah, Bahagian Industri Makanan



**AHMAD TAJUDIN OMAR**  
Pengarah, Penggalakan Pelaburan  
Asing, Zon Eropah  
(*hingga 2 Mei 2010*)



**HAFIZAH SHAHAR**  
Pengarah, Bahagian Industri Pengangkutan  
(*dari 8 November 2010*)  
Pengarah, Bahagian Industri Logam dan  
Fabrikasi  
(*hingga 19 September 2010*)



**N. JEYASIGAN**  
Pengarah, Penggalakan Pelaburan  
Asing, Zon Eropah  
(*dari 20 September 2010*)



**ROESLINA ABBAS**  
Pengarah, Bahagian Kerjasama  
Antarabangsa  
(*dari 20 September 2010*)



**FOO SIN FONG**  
Pengarah, Bahagian Industri  
Logam dan Fabrikasi  
(*dari 20 September 2010*)



**AIZAH ABDULLAH**  
Pengarah, Bahagian Industri  
ICT dan Elektrik  
(*dari 28 Jun 2010*)

# PERUTUSAN PENGERUSI



Ekonomi Malaysia telah kembali meningkat dengan teguh pada tahun 2010 selaras dengan pemulihan ekonomi global. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.2 peratus pada tahun 2010 selepas menguncup sebanyak 1.7 peratus pada tahun 2009. Sektor perkilangan yang berkembang sebanyak 11.4 peratus pada tahun 2010 merupakan sektor yang paling pesat berkembang dan menunjukkan kepentingannya sebagai enjin pertumbuhan ekonomi. Ia telah menyumbang sebanyak 27.7 peratus kepada KDNK, 72.1 peratus daripada jumlah eksport dan 27.8 peratus daripada jumlah gunatenaga.

Kejayaan Malaysia menarik tahap pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2009 adalah amat menggalakkan. Pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan telah meningkat sebanyak 44.8 peratus kepada RM47.2 bilion pada tahun 2010 daripada RM32.6 bilion pada tahun 2009. Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2010 melebihi purata sasaran pelaburan tahunan RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) iaitu sebanyak RM19.7 bilion atau 71.6 peratus.

Walaupun terdapat kelembapan dalam aliran masuk FDI global dan persaingan sengit di peringkat global dan serantau terhadap FDI, Malaysia terus kekal kompetitif sebagai destinasi FDI bagi pelabur asing. Pelaburan asing berjumlah RM29.1 bilion dan menyumbang 61.7 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun tersebut.

Pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2010 meningkat kepada RM18.1 bilion daripada RM10.5 bilion pada tahun 2009, menunjukkan minat yang berterusan oleh syarikat tempatan untuk melabur dalam sektor ini. Ini juga selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk menggalakkan pelabur tempatan memainkan peranan yang lebih besar di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Sektor perkhidmatan terus kekal sebagai sumber pertumbuhan penting bagi ekonomi Malaysia. Sebanyak 3,301 projek dengan pelaburan berjumlah RM36.7 bilion telah diluluskan pada tahun 2010. Pelaburan tempatan berjumlah RM32.8 bilion iaitu sebanyak 89.4 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan diluluskan pada tahun tersebut manakala pelaburan asing berjumlah RM3.9 bilion.

Dalam tahun tersebut, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Kerajaan (GTP), ETP, Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) bagi menggariskan dasar kepada transformasi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

MIDA akan terus memainkan peranan penting bagi memastikan peningkatan ketara dalam aktiviti pelaburan di bawah 12 NKEA dan bidang pertumbuhan lain yang diterajui oleh sektor swasta yang dinamik bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan di bawah RMK10. Bagi mencapai matlamat ini, MIDA telah diperkasakan oleh Kerajaan dengan kuasa sewajarnya untuk berunding terus dengan pelabur bagi projek-projek yang telah disasarkan.

Jawatankuasa Nasional Berkenaan Pelaburan (NCI) telah ditubuhkan di MIDA bagi mempercepatkan proses membuat keputusan di mana pegawai kanan dari agensi berkaitan mempertimbangkan permohonan projek pelaburan dan meluluskannya dalam “real time”. Langkah ini dijangka akan meningkatkan keupayaan Malaysia dalam menarik dan mendapatkan projek yang disasarkan.

Sebuah Pasukan Petugas Khas Berkenaan Pelaburan juga telah ditubuhkan di MIDA bagi menyelaras aktiviti penggalakan pelaburan dan maklumat statistik oleh semua agensi pelaburan negeri di negara ini.

Inisiatif-inisiatif dan sasaran yang telah ditetapkan di bawah ETP akan menambahkan tanggungjawab MIDA dalam meningkatkan FDI dan pelaburan domestik. Proses pengkorporatan yang sedang dijalankan oleh MIDA akan menambahbaik struktur organisasinya bagi membolehkannya memberi tumpuan terhadap bidang-bidang keutamaan di bawah ETP. Struktur yang baru akan mengubah MIDA menjadi agensi penggalakan pelaburan yang lebih efektif untuk bersaing dan menarik pelaburan berkualiti. Pengkorporatan MIDA juga akan memberikan keflexibelan organisasi yang diperlukan oleh MIDA dalam menarik dan mengekalkan tenaga kerja dan bakat yang diperlukannya untuk berfungsi dengan lebih efektif. Pemerkasaan dan pengkorporatan MIDA akan membolehkannya berunding terus dengan pelabur dengan cepat dan secara lebih efektif, sekaligus menarik tahap pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan seperti yang telah disasarkan di bawah RMK10 dan ETP.



**TAN SRI DR. SULAIMAN MAHBOB**  
Pengerusi, MIDA

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH



Tahun 2010 adalah tahun bermakna bagi MIDA. Ketika berlangsungnya program Invest Malaysia pada 30 Mac 2010, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa MIDA akan diperkasa dan dikorporatkan. MIDA akan diperkasakan untuk berunding terus dengan para pelabur bagi projek-projek yang disasarkan dan memainkan peranan sebagai badan penggalakan pelaburan pusat bagi mempertingkatkan penyelaras dan kepaduan di kalangan agensi penggalakan pelaburan yang lain di negara ini. Bagi mencerminkan peranan dan fungsi baru tersebut, MIDA akan dinamakan semula sebagai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dengan mengekalkan nama singkatan MIDA. Proses pengkorporatan yang sedang dijalankan oleh MIDA akan mentransformasikan MIDA sebagai sebuah agensi penggalakan pelaburan yang efektif untuk bersaing dan menarik pelaburan berkualiti.

Ekoran daripada pengumuman oleh YAB Perdana Menteri, MIDA telah mengambil pelbagai langkah berkaitan proses pemerkasaan dan pengkorporatan seperti penubuhan Jawatankuasa Nasional Berkenaan Pelaburan (NCI) dan sebuah Pasukan Petugas Khas Berkenaan Pelaburan, penurunan kuasa berkenaan hal-hal pelesenan dan insentif daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Kewangan melalui NCI, pindaan Akta MIDA, penubuhan jawatankuasa pemandu dan kumpulan kerja bagi memantau proses pengkorporatan, menyusun dan mendefinisi semula entiti korporatnya yang baru serta juga merekabentuk logo MIDA yang baru.

Selaras dengan keputusan untuk memperkasakan MIDA, satu jawatankuasa baru peringkat tertinggi yang dikenali sebagai Jawatankuasa Nasional Berkenaan Pelaburan (NCI) telah ditubuhkan di MIDA pada 20 Mei 2010 bagi menilai dan meluluskan projek-projek pelaburan secara *"real time"*. Keanggotaan jawatankuasa tersebut termasuk Pengerusi MIDA sebagai Pengerusi NCI dan Ketua Pengarah MIDA sebagai Pengerusi Gantian serta ahli-ahli tetap yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan daripada kementerian dan agensi berkaitan.

Malaysia terus menarik tahap pelaburan yang tinggi ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan pada tahun 2010. Dalam sektor perkilangan, sebanyak 910 projek dengan pelaburan berjumlah RM47.2 bilion telah diluluskan berbanding RM32.6 bilion pada tahun 2009, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 44.8 peratus. Projek-projek diluluskan pada tahun 2010 ini apabila dilaksanakan dijangka akan menghasilkan sejumlah 97,319 peluang pekerjaan di mana 74.2 peratus adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan pekerja mahir. Pelaburan asing yang bernilai RM29.1 bilion telah diluluskan yang menyumbang sebanyak 61.7 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan tempatan meningkat secara mendadak sebanyak 72.4 peratus kepada RM18.1 bilion pada tahun 2010. Sektor perkhidmatan telah menarik pelaburan bernilai RM36.7 bilion daripada 3,301 projek yang diluluskan dengan sebahagian besar pelaburan adalah daripada pelaburan tempatan berjumlah RM32.8 bilion atau 89.4 peratus daripada jumlah pelaburan. Projek-projek ini dijangka akan menghasilkan 53,506 peluang pekerjaan.

Bagi meningkat rantaian nilai ekonomi, MIDA akan melaksanakan pendekatan yang lebih bersasar dalam menarik pelaburan berkualiti yang merangkumi industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal, aktiviti R&D serta industri bernilai ditambah tinggi. Sebahagian daripada projek perkilangan dan perkhidmatan yang diluluskan pada tahun 2010 termasuk projek pembesaran dalam perkilangan, pembangunan dan perkhidmatan *thin film solar modules*, komponen dan produk separuh siap; sebuah projek pembesaran dan pelbagaian bagi menghasilkan *thin film magnetic disc* dan substrat; sebuah projek baru bagi menghasilkan ingot silikon dan wafer solar; sebuah projek pembesaran oleh sebuah syarikat aero angkasa tempatan untuk menjalankan aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) bagi kapal terbang komersial; sebuah projek pembesaran untuk mengeluarkan peranti perubatan; sebuah projek pembesaran bagi menghasilkan gentian kaca dan projek flagship terminal yang direka dan dibina sebagai bahagian penting dalam rantaian bekalan hiliran petroleum.

MIDA akan terus mempergiatkan aktiviti penggalakan bagi menarik pelaburan berkualiti. Pada tahun 2010, MIDA telah bekerjasama dengan Bursa Malaysia dalam menganjurkan *Invest Malaysia 2010*. Selain daripada itu, MIDA juga memainkan peranan penting dalam menganjurkan Forum *International Herald Tribune (IHT): Dawn of The New Decade* yang menyentuh isu pemulihan kewangan dan potensi Asia dalam membangunkan pelaburan alternatif serta kesan reformasi kewangan terhadap pelabur. Program-program ini melengkapkan usaha penggalakan yang sedang berjalan bagi menarik pelaburan asing berdasarkan sasaran seperti rundingan meja bulat dengan syarikat, misi projek spesifik dan misi *strike force*. Sebagai sebahagian daripada usaha-usaha ini, MIDA juga telah mengembangkan rangkaian globalnya dengan membuka pejabat luar negara tambahan di Munich (Jerman), Bangkok (Thailand) dan Houston (Amerika Syarikat). Selaras dengan Model Baru Ekonomi (MBE) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), MIDA juga telah mempertingkatkan aktiviti penggalakan domestiknya melalui program *outreach* secara meluas yang diadakan di seluruh negara khususnya menganjurkan seminar domestik serta mesyuarat/dialog dengan pelbagai syarikat tempatan, dewan-dewan dan persatuan industri.

Selepas 43 tahun penubuhannya, pemerkasaan dan pengkorporatan MIDA merupakan satu pencapaian penting dalam sejarahnya dan akan mempertingkatkan keupayaan serta kebolehannya untuk bersaing dengan agensi penggalakan pelaburan serantau dan tempatan lain dalam menarik pelaburan dan juga membolehkannya melengkappi usaha-usaha Kerajaan dalam mentransformasikan negara ini mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.




**DATUK JALILAH BABA**  
Ketua Pengarah, MIDA

# Bab 1

## PENGENALAN

Perkembangan Global	14
Ekonomi Domestik	15
Pengkorporatan MIDA	15
Kesimpulan	16



Ekonomi global terus pulih pada tahun 2010, walaupun pada kadar yang tidak seimbang, diterajui oleh aktiviti ekonomi yang kukuh di dalam pasaran ekonomi baru muncul. Walaupun ekonomi global mengalami pertumbuhan yang lebih baik tetapi persekitaran antarabangsa masih tidak menentu diebabkan oleh kelemahan berterusan dalam struktur ekonomi negara-negara maju. Pelbagai perkembangan turut memberi kesan ke atas ekonomi global termasuk abu berdebu gunung berapi di Iceland dan bantahan di Eropah yang berpunca daripada langkah-langkah jimat cermat yang dilaksanakan oleh negara-negara yang dibebani hutang.

## Perkembangan Global

Berdasarkan kepada laporan *Global Economic Prospects 2011* oleh World Bank, Keluaran Dalam Negara Kasar Global berkembang sebanyak 3.8 peratus pada tahun 2010, yang diterajui oleh pertumbuhan kukuh dalam permintaan di negara-negara membangun. Permintaan domestik negara-negara membangun memainkan peranan besar dalam pemulihan yang menyumbang kepada 46 peratus daripada pertumbuhan global pada tahun 2010.

Proses pemulihan ini bermula pada pertengahan tahun 2009 di negara-negara Asia yang membangun, khususnya China, di mana pengeluaran perkilangan

telahpun kembali kepada tahap sebelum krisis. Negara-negara Asia ini yang mengalami pertumbuhan kukuh terus membuat pelaburan bernilai berbilion dolar dalam infrastruktur dan memperbaiki jalan raya, meningkatkan jalan, pelabuhan, telekomunikasi dan loji kuasa. Ini menyediakan peluang yang menarik bagi industri di rantau ini.

Asia sebagai penjana pertumbuhan ekonomi global utama yang dipacu oleh faktor-faktor penting seperti permintaan domestik yang mampan serta prestasi berterusan oleh negara-negara baru muncul, syarikat-syarikat Asia kini semakin diiktiraf dari segi daya inovasi, status dan pencapaian global. Dengan kemunculan Asia sebagai kuasa ekonomi, persaingan perniagaan di rantai ini akan menjadi bertambah sengit dan perdagangan dalam barang dan perkhidmatan di antara Asia dan dunia akan terus meningkat.

Mengikut *Global Investment Trends Monitor* UNCTAD (diterbitkan pada 17 Januari 2011), aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) global meningkat sebanyak satu peratus kepada US\$1,122.0 bilion pada tahun 2010 daripada US\$1,114.1 bilion pada tahun 2009. Walaupun terdapat kelembapan dalam aliran masuk FDI global, Malaysia terus menarik FDI global berjumlah US\$8.58 bilion pada tahun 2010, jauh melebihi jumlah pelaburan US\$1.4 bilion yang diperolehi pada tahun 2009.

## Ekonomi Domestik

Malaysia memperlihatkan prestasi ekonomi yang mampu pada tahun 2010 dengan mencapai kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 7.2 peratus di mana sektor perkilangan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.4 peratus. Sektor perkilangan adalah penyumbang utama kepada ekonomi iaitu menyumbang sebanyak 27.7 peratus daripada KDNK negara, 72.1 peratus daripada jumlah eksport serta 27.8 peratus daripada jumlah pekerjaan. Sektor ini menarik paras pelaburan tinggi yang ketara berjumlah RM47.2 bilion pada tahun 2010 berbanding dengan RM32.6 bilion pada tahun 2009.

Sektor perkhidmatan juga kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK. Pada tahun 2010, sektor ini menyumbang sebanyak 57.4 peratus kepada KDNK Malaysia dengan kadar pertumbuhan 6.8 peratus. Sektor perkhidmatan ini dianggarkan akan menyediakan 6.3 juta peluang pekerjaan atau 53.6 peratus daripada jumlah gunatenaga negara.

Perkembangan-perkembangan ini adalah baik bagi Malaysia yang menuju ke arah status negara maju berpendapatan tinggi seperti yang digariskan dalam Model Baru Ekonomi. Menerusi siri usaha trasformasi yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK10), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan juga Program Transformasi Kerajaan (GTP), MIDA akan berusaha untuk memberi sokongan yang diperlukan bagi sektor ekonomi yang dipacu oleh pihak swasta.

ETP merupakan usaha yang komprehensif untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Di bawah ETP, 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) telah dikenalpasti sebagai pemacu aktiviti ekonomi yang berpotensi untuk menyumbang secara langsung dan dengan jumlah pertumbuhan ekonomi yang boleh dinilai terhadap ekonomi Malaysia. Pilihan 12 NKEA tersebut adalah minyak, gas dan tenaga; minyak sawit; perkhidmatan

kewangan; pelancongan; perkhidmatan perniagaan; elektrik dan elektronik; pemborongan dan runcit; pendidikan; penjagaan kesihatan; kandungan dan infrastruktur komunikasi; pertanian; dan greater Kuala Lumpur.

Dalam masa yang sama, 12 NKEA tersebut telah mengenalpasti 131 Projek Permulaan (EPP) yang memerlukan jumlah dana sebanyak US\$444 bilion sepanjang tempoh 2011 – 2020, yang mana 92 peratus (US\$410 bilion) adalah dari sektor swasta manakala baki sebanyak 8 peratus (US\$34 bilion) adalah dari sektor awam.

Justeru itu, cabaran utama MIDA adalah untuk memastikan berlakunya lonjakan ketara dalam aktiviti pelaburan dalam 12 NKEA dan bukan NKEA yang dipacu oleh sektor swasta yang lebih dinamik bagi mencapai sasaran pertubuhan pelaburan sebanyak 12.8 peratus setahun atau RM115 bilion setahun yang ditetapkan di bawah RMK10.

## Pengkorporatan MIDA

Dalam tempoh kajian, Malaysia telah berjaya mempertingkatkan lagi aliran perdagangan di rantau ini menerusi lokasinya yang strategik dan hubungan meluas di seluruh Asia. Menuju ke hadapan, MIDA memainkan peranan utama dalam memastikan supaya Malaysia akan terus mengukuhkan asas perkilangan dan perkhidmatannya. Dalam masa syarikat asing dan MNC menubuhkan pejabat serantau mereka di Malaysia, MIDA akan terus memastikan syarikat-syarikat tempatan juga memanfaatkan kekuatan negara bagi memantapkan kedudukan mereka di rantau ini.

Dalam menggalakkan pertumbuhan dan memperkuuhkan organisasi yang bertanggung jawab bagi penggalakan dan penyelarasaran sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan, rancangan untuk mengkorporatkan MIDA sedang dijalankan bagi menyokong transformasi

tersebut dan memastikan supaya syarikat dapat memanfaatkan persekitaran perniagaan Malaysia yang sangat baik, jalinan pasaran yang kukuh serta tenaga kerja yang berbakat dan berkemahiran.

Pengkorporatan MIDA akan menambah baik struktur organisasi untuk menumpu kepada bidang-bidang keutamaan yang telah dikenal pasti di bawah ETP. Struktur baru tersebut akan mentransformasikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan yang efektif untuk bersaing dan menarik pelaburan berkualiti di dalam NKEA dan bukan NKEA. Pengkorporatan juga akan memberikan fleksibiliti organisasi kepada MIDA untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja yang diperlukan untuk membolehkannya berfungsi dengan lebih efektif dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang digariskan di bawah ETP bagi mencapai sasaran-sasaran yang ditetapkan.

MIDA juga telah diperkasakan oleh Kerajaan dengan kuasa yang diperlukan untuk berunding terus dengan pelabur bagi projek-projek yang disasarkan. Selain daripada itu, MIDA juga telah dilantik sebagai agensi penggalakan pusat bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan kecuali utiliti dan perkhidmatan kewangan bagi mempertingkatkan penyelaras dan kepaduan di antara pelbagai badan penggalakan pelaburan dalam negara ini.

Perkasaan dan pengkorporatan akan membolehkan MIDA bertindak cepat untuk berhubung dengan pelabur secara lebih efektif dan menarik tahap pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan seperti yang disasarkan di bawah RMK10 dan ETP.

Perubahan-perubahan yang diumumkan oleh Kerajaan akan melibatkan tanggungjawab tambahan bagi MIDA dalam usaha untuk meningkatkan FDI dan pelaburan domestik. Peranan baru utama yang akan dimainkan oleh MIDA termasuk memudahkan penyediaan penyelesaian menyeluruh bagi

keseluruhan Ekosistem Perniagaan syarikat dari segi pemilikan teknologi, dana, insentif cukai, program latihan, pembangunan dan transformasi perniagaan; di samping memupuk usahawan teknologi tempatan dalam memperolehi teknologi canggih dalam industri berdasarkan pengetahuan dan perkhidmatan.

Dengan pengkorporatan yang sedang berjalan dan disasarkan akan dilaksanakan sepenuhnya pada penghujung tahun 2011, MIDA akan menjadi sebagai sebuah agensi penggalakan pelaburan abad ke 21 yang bertaraf dunia.

## Kesimpulan

Ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang pada kadar 5 hingga 6 peratus pada tahun 2011. Pertumbuhan ini dijangka akan meningkat dengan prestasi pertumbuhan yang lebih baik dalam tempoh enam bulan kedua 2011.

Pelaburan swasta dijangka akan kekal kukuh dengan sokongan perbelanjaan modal oleh industri berorientasikan domestik memandangkan penggunaan kapasiti pada paras yang tinggi dan keyakinan perniagaan yang positif di samping pelaksanaan inisiatif-inisiatif utama yang diumumkan oleh Kerajaan di bawah ETP.

*World Investment Report 2010* UNCTAD menunjukkan bahawa aliran masuk FDI global akan meningkat sebanyak kira-kira US\$1.3 trillion hingga US\$1.5 trillion pada tahun 2011 dan terus meningkat kepada US\$1.6 trillion hingga US\$2 trillion pada tahun 2012. *World Investment Prospects Survey 2010-2012* UNCTAD menunjukkan kembalinya sikap optimis dalam perniagaan dan keyakinan yang semakin kukuh para pelabur untuk meneruskan pembesaran di luar negara pada tahun 2011 dan 2012.

Berdasarkan senario di atas, aliran masuk FDI global ke Malaysia dijangka akan terus meningkat pada tahun 2011 dan pada tahun-tahun berikutnya. Dalam konteks ini, pihak

Kerajaan akan terus mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perubahan bagi mengekalkan daya tarikan negara sebagai pilihan destinasi pelaburan di rantau ini.

MIDA sememangnya mengalami tahun penentuan pada tahun 2010. Dengan fokus berterusan untuk mencapai kecemerlangan, MIDA akan terus merentasi sempadan dalam meletakkan Malaysia sebagai Hab Asia dan lokasi bagi pelaburan, perniagaan, inovasi serta bakat.

# Bab 2

## PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN

<b>TINJAUAN</b>	<b>20</b>
<b>PRESTASI PELABURAN</b>	<b>20</b>
Projek Baru	21
Projek Pembesaran/Pelbagai	21
Projek Berintensifkan Modal	21
Projek Berorientasikan Ekspor	22
Peluang Pekerjaan	22
Projek Diluluskan Mengikut Hak Milik	22
Sumber Utama Pelaburan Asing	23
Projek Diluluskan Mengikut Industri	23
Projek Diluluskan Mengikut Lokasi	24
Kadar Pelaksanaan Projek	24

# 2

## PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN



### TINJAUAN

Pada tahun 2010, Malaysia mengalami pemulihian pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.2 peratus pada tahun 2010<sup>1</sup>. Sektor perkilangan terus menjadi penyumbang penting kepada ekonomi dengan menyumbang sebanyak 27.7 peratus kepada KDNK negara pada tahun 2010.

Indeks pengeluaran sektor perkilangan meningkat sebanyak 11.0 peratus manakala jualan produk perkilangan meningkat sebanyak 13.8 peratus kepada RM469.5 bilion pada tahun 2010. Eksport produk perkilangan meningkat sebanyak 12.0 peratus daripada RM411.4 bilion pada tahun 2009 kepada RM460.9 bilion pada tahun 2010 dan menyumbang sebanyak 72.1 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2010. Gunatenaga dalam sektor perkilangan

dianggarkan sebanyak 3.3 juta orang atau 27.8 peratus daripada jumlah gunatenaga pada tahun 2010<sup>2</sup>.

### PRESTASI PELABURAN

Malaysia telah menarik tahap pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2009. Bilangan projek yang diluluskan juga mencatatkan satu peningkatan. Sejumlah 910 projek perkilangan telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM47.2 bilion pada tahun 2010 berbanding dengan 766 projek perkilangan dengan pelaburan bernilai RM32.6 bilion pada tahun 2009. Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2010 melepassi purata sasaran pelaburan tahunan RM27.5 bilion yang ditetapkan di dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020 iaitu sebanyak RM19.7 bilion atau 71.6 peratus.

<sup>1</sup> Jabatan Perangkaan

<sup>2</sup> Laporan Ekonomi 2010/2011, Kementerian Kewangan, Malaysia


► **Carta 1 - Pelaburan Dalam Projek Diluluskan, 2005-2010**



## Projek Baru

Majoriti projek diluluskan pada tahun 2010 adalah projek baru (537 projek) dengan pelaburan sebanyak RM23.9 bilion yang mewakili 50.6 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan. Daripada jumlah ini, RM12.2 bilion atau 51.0 peratus adalah pelaburan domestik manakala RM11.7 bilion atau 49.0 peratus adalah pelaburan asing.


► **Carta 2 - Pelaburan Dalam Projek Baru Mengikut Industri, 2010**



## Projek Pembesaran/Pelbagai

Aktiviti pembesaran/pelbagai oleh syarikat perkilangan wujud masih diteruskan pada tahun 2010. Daripada jumlah projek diluluskan, 373 adalah projek pembesaran/pelbagai yang melibatkan pelaburan sebanyak RM23.3 bilion yang mewakili 49.4 peratus daripada jumlah pelaburan.

► **Carta 3 - Pelaburan Dalam Projek Pembesaran/Pelbagai Mengikut Industri, 2010**



## Projek Berintensifkan Modal

Dengan peningkatan saingan daripada negara pengeluar berkos rendah seperti Republik Rakyat China, India dan Vietnam, Malaysia tidak lagi mempunyai daya saing terutama dalam bidang-bidang pengilangan bernilai rendah. Bagi meningkatkan rantaian nilai ekonomi, Kerajaan akan terus mempergiatkan usaha dalam mengenalpasti dan menarik pelaburan di dalam bidang-bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul, industri-industri bernilai ditambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensif modal serta aktiviti R&D selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Intensiti modal (sebagaimana diukur oleh pelaburan modal setiap pekerja atau nisbah CIPE) bagi projek

diluluskan pada tahun 2010 adalah RM484,767. Nisbah CIPE bagi projek perkilangan telah mencatatkan satu trend peningkatan semenjak 1990 (RM167,638). Ini menunjukkan secara umumnya peningkatan ke arah projek-projek berintensifkan modal, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi.

Pada tahun 2010, sejumlah 69 projek dengan pelaburan bernilai RM100 juta atau lebih setiap satu diluluskan, yang mana sembilan projek mempunyai pelaburan melebihi RM1 bilion. Pelaburan dalam 69 projek ini berjumlah RM36.3 bilion atau 76.9 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan.

Projek berintensifkan modal ini adalah terutamanya dalam industri produk E&E (RM11.9 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM5.7 bilion), produk logam asas (RM4.5 bilion), produk galian bukan logam (RM2.6 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM2.5 bilion), peralatan pengukuran dan saintifik (RM2.0 bilion) dan produk logam fabrikasi (RM2.0 bilion).

## Projek Berorientasikan Ekspor

Daripada 910 projek diluluskan pada tahun 2010, sejumlah 305 projek (33.5%) adalah projek berorientasi eksport yang mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada pengeluaran mereka. Pelaburan dalam projek berorientasikan eksport ini berjumlah RM23.1 bilion atau 48.9 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan asing dalam projek berorientasikan eksport ini berjumlah RM17.1 bilion, manakala pelaburan domestik berjumlah RM6.0 bilion. Projek berorientasikan eksport ini adalah terutamanya dalam industri produk E&E (RM6.1 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM3.7 bilion), produk logam asas (RM2.4 bilion), peralatan pengukuran dan saintifik (RM2.1 bilion), produk logam fabrikasi (RM1.5 bilion) serta kimia dan produk kimia (RM1.3 bilion).

## Peluang Pekerjaan

Tenaga kerja mahir adalah penting kepada syarikat pengilangan untuk bersaing di peringkat global. Peralihan kepada penggajian tenaga kerja yang lebih mahir di dalam sektor perkilangan telah meningkat. Projek diluluskan pada tahun 2010 adalah dijangka akan menjana sejumlah 97,319 peluang pekerjaan, di mana 72,221 atau 74.2 peratus adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan mahir. Industri yang dijangka akan menjana bilangan peluang tenaga kerja yang paling besar adalah E&E (29,212), kelengkapan pengangkutan (13,159), produk logam asas (6,901), produk getah (6,764), serta jentera dan kelengkapan (6,653).

## Projek Diluluskan Mengikut Hak Milik

### *Pelaburan Domestik*

Selaras dengan seruan Kerajaan untuk menggalakkan pelabur domestik memainkan peranan utama di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkilangan meningkat kepada RM18.1 bilion pada tahun 2010 daripada RM10.5 bilion pada tahun 2009. Pelaburan domestik mewakili 38.3 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2010.

Sebahagian besar pelaburan domestik yang diluluskan pada tahun 2010 yang berjumlah RM12.2 bilion adalah di dalam projek baru, manakala RM5.9 bilion adalah dalam projek pembesaran/pelbagai. Pelaburan domestik adalah terutamanya dalam industri produk petroleum termasuk petrokimia (RM4.7 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM2.8 bilion), produk logam asas (RM1.6 bilion), E&E (RM1.5 bilion), pengilangan makanan (RM1.2 bilion), serta kimia dan produk kimia (RM1.1 bilion).

## Pelaburan Asing

Malaysia terus kekal sebagai satu lokasi pelaburan yang kompetitif kepada pelaburan asing. Daripada jumlah pelaburan diluluskan, RM29.1 bilion atau 61.7 peratus adalah pelaburan asing. Ini adalah berdasarkan minat yang tinggi oleh pelaburan asing untuk melabur di dalam projek-projek yang berkualiti dalam bidang-bidang pertumbuhan baru dan teknologi baru muncul yang bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan mahir.

Pelaburan asing dalam projek baru bernilai RM11.7 bilion. Pelaburan ini adalah terutamanya dalam industri produk logam asas (RM3.6 bilion), produk E&E (RM2.3 bilion), produk logam fabrikasi (RM1.3 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM753.6 juta) serta peralatan pengukuran dan saintifik (RM667.2 juta).

Pelaburan asing sedia ada terus membuat pelaburan semula, penggabungan, pembesaran dan pelbagaiannya ke dalam aktiviti dan produk bernilai ditambah tinggi bagi meningkatkan daya saing

operasi mereka di dalam negara. Pelaburan asing dalam projek pembesaran/pelbagaiannya berjumlah RM17.4 bilion. Pelaburan ini adalah terutamanya dalam industri produk E&E (RM9.6 bilion), produk galian bukan logam (RM2.1 bilion), peralatan pengukuran dan saintifik (RM1.5 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.5 bilion) serta pengilangan makanan (RM662.8 juta).


## Sumber Utama Pelaburan Asing

Lima sumber utama pelaburan asing dalam projek diluluskan pada tahun 2010 adalah Amerika Syarikat (RM11.7 bilion), Jepun (RM4.0 bilion), Hong Kong (RM2.8 bilion), Singapura (RM2.2 bilion) dan Jerman (RM1.9 bilion). Kelima-lima negara ini menyumbang kepada 77.7 peratus daripada jumlah pelaburan asing diluluskan dalam tempoh ini.

## Projek Diluluskan Mengikut Industri

Pada tahun 2010, industri E&E kekal menjadi industri peneraju dari segi bilangan projek diluluskan (126 projek), serta jumlah pelaburan (RM13.3 bilion). Ini diikuti oleh produk

► **Carta 4 - Pelaburan Dalam Projek Diluluskan Mengikut Industri Utama, 2010**



petroleum termasuk petrokimia (RM5.8 bilion), produk logam asas (RM5.2 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM3.5 bilion), produk galian bukan logam (RM3.2 bilion), kimia dan produk kimia (RM2.8 bilion), produk logam fabrikasi (RM2.5 bilion) dan pengilangan makanan (RM2.4 bilion). Kelapan-lapan industri ini menyumbang kepada RM38.8 bilion atau 82.3 peratus daripada jumlah pelaburan diluluskan.

## Projek Diluluskan Mengikut Lokasi

Negeri Pulau Pinang, Selangor dan Johor terus menjadi negeri peneraju dari segi bilangan projek serta pelaburan yang diluluskan. Sejumlah 625 projek atau 68.7 peratus daripada projek diluluskan akan ditempatkan di tiga negeri ini. Penumpuan projek di negeri-negeri ini adalah terutamanya disebabkan oleh infrastruktur yang lebih maju. Ketiga-tiga negeri ini menyumbang kepada 365 projek baru atau 68.0 peratus daripada jumlah bilangan projek baru yang diluluskan pada tahun 2010.


Dari segi nilai pelaburan, Pulau Pinang mencatatkan tahap pelaburan yang paling tinggi (RM12.2 bilion), diikuti oleh Selangor (RM10.6 bilion), Johor (RM7.5 bilion), Sarawak (RM3.9 bilion) dan Perak (RM3.0 bilion).

## Kadar Pelaksanaan Projek

Sejumlah 5,648 projek pengilangan telah diluluskan bagi tempoh 2005 - 2010 yang mana setakat 31 Disember 2010, sebanyak 4,185 projek (74.1%) telah memulakan pengeluaran manakala 258 (4.6%) adalah di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Daripada 4,185 projek dalam pengeluaran, 637 projek telah memulakan pengeluaran pada tahun 2010.

Jumlah pelaburan modal dalam 4,443 projek yang telah dilaksanakan (merangkumi projek yang telah memulakan pengeluaran dan yang sedang membina kilang serta memasang jentera) bernilai RM155.1 bilion. Tambahan pula, 110 projek dengan pelaburan bernilai RM18.2 bilion


► **Carta 5 - Pelaburan Dalam Projek Pengilangan Diluluskan Mengikut Negeri, 2010**



*Nota: Angka di dalam kurungan merujuk kepada bilangan projek diluluskan*

telah memperoleh tapak, manakala 795 projek (RM88.9 bilion) adalah di peringkat perancangan aktif. Apabila kesemua 905 projek ini dilaksanakan, jumlah pelaburan akan bernilai RM107.1 bilion.

► **Carta 6** - Status Pelaksanaan Projek Pengilangan Diluluskan Bagi Tempoh 2005-2010, Setakat 31 Disember 2010



# Bab 3

## PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN

<b>TINJAUAN</b>	<b>28</b>
<b>PERTUBUHAN SERANTAU</b>	<b>29</b>
Ibu Pejabat Operasi (OHQ)	29
Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)	29
Pusat Pengedaran Serantau (RDC)	30
Pejabat Serantau/Perwakilan (RO dan RE)	30
<b>PERKHIDMATAN SOKONGAN</b>	<b>30</b>
Tenaga Boleh Diperbaharui	30
Hab Operasi Global/Hab Pengedaran Global	31
Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)	32
Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	32
Penjimatan/Kecekapan Tenaga	32
Kemudahan Rantaian Bilik Sejuk	33
Gudang Terikat ( <i>Bonded Warehouse</i> )	33
Minyak dan Gas	33

# 3 PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN



## TINJAUAN

Sektor perkhidmatan telah dikenalpasti sebagai enjin pertumbuhan baru bagi ekonomi Malaysia. Ianya terdiri daripada satu rangkaian perkhidmatan yang luas yang merangkumi pertumbuhan serantau; perkhidmatan sokongan; syarikat berstatus MSC; harta tanah (perumahan); pengangkutan; tenaga; telekomunikasi; perdagangan pengedaran; hotel dan pelancongan; perkhidmatan kewangan; perkhidmatan kesihatan serta perkhidmatan pendidikan.

Sektor perkhidmatan tetap menjadi penyumbang utama kepada KDNK negara. Pada tahun 2010, sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 57.4 peratus kepada KDNK dengan kadar pertumbuhan sebanyak 6.8 peratus<sup>3</sup>. Gunatenaga dalam sektor perkhidmatan dianggarkan sebanyak 6.3 juta orang atau 53.6 peratus daripada jumlah gunatenaga<sup>4</sup>.

Sejumlah 3,301 projek dengan pelaburan bernilai RM36.7 bilion telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2010. Daripada jumlah ini, pelaburan domestik berjumlah RM32.8 bilion

► Jadual 1 - Pelaburan Diluluskan Dalam Sektor Perkhidmatan

SUBSEKTOR PERKHIDMATAN	BIL.	RM JUTA
Pertubuhan Serantau	183	374.2
Perkhidmatan Sokongan	89	1,089.3
Syarikat Berstatus MSC	218	1,484.7
Hartanah (Perumahan)	1,328	6,552.6
Telekomunikasi (termasuk Pos)	50	6,376.0
Pengangkutan	54	5,633.0
Tenaga	-	5,059.5
Hotel dan Pelancongan	50	2,558.3
Perdagangan Pengedaran	857	2,383.1
Perkhidmatan Pendidikan	347	2,340.8
Perkhidmatan Kewangan	70	1,853.2
Perkhidmatan Kesihatan	15	555.9
Status Bionexus dan Perisian	40	481.9
<b>Jumlah</b>	<b>3,301</b>	<b>36,742.5</b>

<sup>3</sup> Jabatan Perangkaan.

<sup>4</sup> Laporan Ekonomi 2010/2011, Bank Negara.

dan pelaburan asing berjumlah RM3.9 bilion. Projek diluluskan dalam tempoh ini dijangka akan menyediakan 53,506 peluang pekerjaan.

## PERTUBUHAN SERANTAU

Setakat 31 Disember 2010, sejumlah 2,946 pertubuhan serantau telah diluluskan yang terdiri daripada 199 Ibu Pejabat Operasi (OHQ), 217 Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC), 27 Pusat Pengedaran Serantau (RDC), 809 Pejabat Serantau (RO) dan 1,694 Pejabat Perwakilan (RE).

Infrastruktur Malaysia yang bertaraf dunia, rangkaian perhubungan yang baik dan lokasi strategik di dalam ASEAN adalah sebahagian daripada sebab utama kenapa MNC masih terus memilih Malaysia untuk menempatkan pertubuhan serantau mereka. Paket insentif yang menarik termasuk insentif cukai dan polisi pelaburan yang liberal bagi penyertaan ekuiti asing dan penggajian pegawai dagang adalah antara faktor-faktor lain yang menarik minat MNC untuk menuju ke Malaysia.

Pada tahun 2010, sejumlah 183 pertubuhan serantau baru diluluskan di Malaysia dengan pelaburan berjumlah RM374.2 juta. Anggaran jualan tahunan IPC dan RDC ini berjumlah RM4.8 bilion. Operasi ini dijangka akan mewujudkan sejumlah 1,169 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, terutamanya di peringkat pengurusan, profesional dan teknikal.

Trend semasa MNC khususnya bagi sektor E&E adalah untuk bergerak ke arah aktiviti perkhidmatan dengan membentuk operasi global mereka di rantau ini. Malaysia mampu mengaut banyak manfaat daripada trend ini.

## Ibu Pejabat Operasi (OHQ)

Pada tahun 2010, sejumlah 22 OHQ diluluskan dengan pelaburan bernilai RM197.5 juta. Daripada jumlah ini, enam adalah daripada Belanda, masing-masing tiga daripada Australia dan Amerika Syarikat,

dua daripada UK, masing-masing satu daripada Jerman, Hong Kong, Denmark, Sweden, Austria dan Jepun. Dua adalah projek usahasama di antara Malaysia dan Thailand serta Perancis dan Australia.

Sejumlah 158 jawatan pegawai dagang telah diluluskan bagi OHQ tersebut dan 396 peluang pekerjaan akan disediakan kepada rakyat Malaysia.

OHQ ini terlibat dalam industri minyak dan gas, kewangan, E&E, pembinaan, makanan dan minuman, balak, logistik, penjagaan kesihatan dan informasi kesihatan, farmaseutikal, bahan kimia, automotif, perkhidmatan kejuruteraan dan tenaga, IT dan bioteknologi.

## Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC)

Syarikat MNC yang mempunyai rangkaian pangkalan pengeluaran mereka yang kukuh di rantau Asia Pasifik telah menujuhkan operasi IPC mereka di Malaysia. Operasi IPC ini bertindak sebagai pusat perolehan dan pengedaran serta menjalankan pengurusan rantaian nilai bagi operasi pengilangan mereka di Malaysia dan luar negara.

Pada tahun 2010, lima projek diluluskan bagi menubuhkan IPC dengan pelaburan bernilai RM64.9 juta dan anggaran nilai jualan tahunan sebanyak RM2.3 bilion. Daripada lima IPC yang diluluskan ini, masing-masing satu adalah dari Amerika Syarikat, Jepun dan Singapura, satu adalah projek usahasama di antara syarikat Singapura dan Jepun, dan satu oleh syarikat domestik. IPC ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 403 orang rakyat Malaysia, terutamanya dalam kategori pengurusan, teknikal dan mahir serta akan memperolehi produk daripada syarikat tempatan yang bernilai RM1.2 bilion.

Selain itu, lapan IPC yang sedia ada telah memulakan program pembesaran dengan menambah produk baru ke dalam rangkaian perolehan dan pengedaran mereka.

## **Pusat Pengedaran Serantau (RDC)**

Setakat 31 Disember 2010, sejumlah 27 projek RDC telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM122.8 juta dan jumlah jualan tahunan bernilai RM2.6 bilion. Daripada jumlah ini, empat adalah dari Jerman, masing-masing dua dari UK, Malaysia dan Amerika Syarikat serta masing-masing satu dari Austria, Belanda, Switzerland, Belgium, Finland, Perancis, Itali, Ireland, Sepanyol, Denmark, Kanada, Hong Kong, Pakistan, Jepun dan India. Sementara itu, dua adalah projek usahasama dengan Jepun dan Jerman. Sejumlah 655 peluang pekerjaan akan diwujudkan oleh RDC ini di mana 90 peratus akan diisi oleh rakyat Malaysia.

Pada tahun 2010, lima projek RDC diluluskan dengan pelaburan bernilai RM42.7 juta dan anggaran jumlah nilai jualan tahunan sebanyak RM2.5 bilion. RDC ini akan menyediakan peluang pekerjaan kepada 94 orang rakyat Malaysia. Daripada lima RDC yang diluluskan ini, masing-masing satu adalah dari Amerika Syarikat, Hong Kong, Jepun, Pakistan dan satu oleh syarikat domestik.

## **Pejabat Serantau/Perwakilan (RO dan RE)**

RO dan RE ditubuhkan terutamanya untuk membantu syarikat asing dalam merancang atau menyelaras aktiviti perniagaan syarikat bersekutu, anak syarikat dan agen mereka di Malaysia dan di rantau ini. Penubuhan RO dan RE ini akan memberikan peluang kepada syarikat untuk menubuhkan OHQ/IPC/ RDC dalam jangka panjang.

Pada tahun 2010, sebanyak 55 RO dan 96 RE telah diluluskan dengan jumlah pelaburan bernilai RM69.2 juta. Daripada jumlah ini, pelaburan bagi RO dan RE masing-masing bernilai RM32.4 juta dan RM36.8 juta. RO/RE ini terutamanya adalah dari Singapura (24), Amerika

Syarikat (12), Jepun (11) dan UK (8). RO dan RE ini dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 276 orang rakyat Malaysia.

## **PERKHIDMATAN SOKONGAN**

Perkhidmatan sokongan merangkumi penyelidikan dan pembangunan (R&D), tenaga boleh diperbaharui dan penjimatan/kecekapan tenaga, reka bentuk kejuruteraan, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu, kemudahan bilik sejuk, pembasmian kuman, kemudahan utiliti berpusat dan gudang terikat (bonded warehouse). Aktiviti ini adalah aktiviti perkhidmatan yang disasarkan yang sedang digalakkan oleh Kerajaan bagi meningkatkan penciptaan nilai sektor perkilangan di Malaysia.

Pada tahun 2010, sejumlah 86 projek perkhidmatan sokongan telah diluluskan yang melibatkan pelaburan bernilai RM1.1 bilion. Pelaburan domestik yang bernilai RM832.3 juta terus mendominasi sektor perkhidmatan sokongan manakala pelaburan asing berjumlah RM256.3 juta. Sejumlah 2,466 peluang pekerjaan akan diwujudkan oleh projek ini.

## **Tenaga Boleh Diperbaharui**

Tenaga boleh diperbaharui (RE) diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 2001 sebagai polisi sumber tenaga kelima. Polisi itu diperkenalkan bagi menangani isu-isu negara berhubung pembangunan mampan yang berterusan. Sumber utama bagi penjanaan tenaga boleh diperbaharui adalah termasuk biomas seperti sisa buangan daripada kelapa sawit, padi, tebu, balak, kilang papan dan kilang kitar semula kertas; sisa pepejal; biogas daripada tebus tanah, bahan buangan kilang sawit dan bahan buangan haiwan; mini-hidro; solar; dan kuasa angin. Sumber biomas dan tenaga solar merupakan sumber yang paling banyak digunakan bagi penjanaan tenaga elektrik iaitu sebanyak 90 peratus daripada kesemua sumber ini.

► **Jadual 2 - Pelaburan Dalam Perkhidmatan Sokongan Diluluskan, 2010**

<b>PERKHIDMATAN SOKONGAN</b>	<b>BIL.</b>	<b>RM JUTA</b>
Tenaga Boleh Diperbaharui	21	563.7
Hab Operasi Global / Hab Pengedaran Global	4	235.2
Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)	3	102.6
Penyelidikan & Pembangunan (R&D)		
• Insentif R&D	4	15.4
• Skim geran R&D	33	47.0
Penjimatan/Kecekapan Tenaga	7	37.5
Kemudahan Bilik Sejuk	2	34.1
Gudang Terikat	12	30.5
Perkhidmatan Minyak & Gas	1	14.6
Lain-lain Perkhidmatan	2	8.7
<b>Jumlah</b>	<b>89</b>	<b>1,089.3</b>

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan telah mensasarkan sebanyak 350MW tenaga elektrik daripada RE akan dijana hingga mencapai 1.8 peratus daripada kesemua sumber tenaga ini. Walau bagaimanapun, hanya 53MW atau 15 peratus daripada kapasiti RE disasarkan bagi tujuan kegunaan tenaga kepada rangkaian kebangsaan. Namun begitu, lebih daripada 430MW tenaga elektrik dijana oleh syarikat untuk kegunaan sendiri. Sasaran RE di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah sebanyak 5.5 peratus daripada jumlah penjanaan tenaga atau 985MW menjelang tahun 2015.

Untuk menggalakkan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui bagi penjanaan tenaga, Kerajaan melalui pengumuman Bajet 2011 telah melanjutkan tempoh permohonan insentif cukai bagi tenaga boleh diperbaharui selama lima tahun lagi yang akan berakhir pada tarikh 31 Disember 2015. Akta RE yang baru dicadangkan juga merangkumi mekanisma untuk *Feed-in-Tariff* (FiT) bagi membolehkan penjualan RE oleh pembekal-pembekal bebas termasuk isi rumah kepada syarikat utiliti.

Pada tahun 2010, sejumlah 21 projek tenaga boleh diperbaharui telah diluluskan dengan insentif cukai berbanding 18 projek pada tahun 2009. Jumlah pelaburan dalam projek diluluskan telah meningkat daripada RM381.6 juta pada tahun 2009 kepada RM563.7 juta pada tahun 2010. Daripada jumlah pelaburan diluluskan ini, RM541.9 juta atau 96.1 peratus adalah terdiri daripada pelaburan domestik manakala RM21.8 juta atau 3.9 peratus adalah pelaburan asing. Projek ini akan menyediakan 493 peluang pekerjaan dalam subsektor ini.

Dua puluh daripada projek yang diluluskan adalah projek baru dan satu adalah projek pembesaran. Projek ini akan menjana tenaga dalam bentuk tenaga elektrik, wap atau haba dengan menggunakan biomas, tenaga solar dan tenaga hidro.

## **Hab Operasi Global/ Hab Pengedaran Global**

Pada tahun 2010, empat syarikat telah diluluskan insentif cukai bagi melaksanakan aktiviti hab operasi global/hab pengedaran global dengan jumlah pelaburan bernilai RM235.2 juta.

Dua syarikat milik asing akan menyediakan aktiviti Hab Operasi Global seperti Pusat Latihan Global, Pusat Gaji Global, Pusat Perkhidmatan Perkongsian, Perkhidmatan Sumber Global, Pemasaran Strategik, Sokongan Perancangan, Hab Pengedaran, Perdagangan, Pusat Data Maklumat Global, Hab Pengedaran Rantaian Bekalan/Logistik Global kepada kumpulan syarikat-syarikat mereka.

Sebuah syarikat milik asing akan menjalankan aktiviti Pusat Pengedaran Global, dengan mengedar produk perubatan di bawah jenama sendiri kepada syarikat-syarikat berkaitan di dalam Kumpulannya.

Satu lagi syarikat adalah syarikat milik rakyat Malaysia sedia ada yang akan membesarkan operasinya bagi menubuhkan satu Pusat Utama bagi Model Perniagaan Rantaian Bekalan Sepenuhnya. Projek ini merangkumi aktiviti seperti Perolehan Global, hab R&D, pengedaran dan pengurusan logistik.

### **Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS)**

Aktiviti utama dalam industri perkhidmatan logistik bersepadu (ILS) merangkumi penghantaran barang, pergudangan, pengangkutan dan perkhidmatan nilai ditambah berkaitan lain seperti pengedaran, perolehan dan pengurusan rantaian bekalan secara berintegrasi.

Syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti ILS adalah layak mendapat insentif cukai. Objektif pemberian insentif adalah bagi mewujudkan industri logistik yang cekap dan berdaya saing bagi menggalakkan integrasi dan penggabungan pelbagai pengantara pengangkutan di sepanjang rantaian bekalan industri logistik di Malaysia. Dengan itu, syarikat Malaysia adalah digalakkan untuk membesarkan operasi dan mencebur di dalam perkhidmatan bernilai ditambah lebih tinggi bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat global.

Pada tahun 2010, tiga syarikat milik rakyat Malaysia telah diluluskan bagi menjalankan projek baru dan

pembesaran dengan pelaburan bernilai RM102.6 juta. Projek ini akan terlibat dalam aktiviti seperti Gudang Penyimpanan Darat, penambahbaikan pergudangan dan peralatan ICT, meningkatkan bilangan pengangkutan, serta memiliki lebih banyak aktiviti bernilai ditambah seperti pengedaran, pembungkusan, pembungkusan semula, pelabelan semula, penggredan dan pensampelan.

### **Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)**

Aktiviti R&D termasuk rekabentuk perindustrian (pembangunan produk dan proses termasuk mereka bentuk dan prototaip) dan perkhidmatan penyelidikan yang disediakan oleh pusat reka bentuk, syarikat R&D kontrak, syarikat R&D, dan syarikat penyelidikan/institusi R&D yang diluluskan.

Pada tahun 2010, empat projek R&D telah diluluskan galakan cukai. Daripada jumlah ini, tiga projek akan menjalankan aktiviti R&D bagi industri E&E dan industri peralatan pengujian serta satu projek R&D dalaman yang akan dijalankan oleh sebuah syarikat pengilangan bagi memperbaiki produk penyaduran mereka. Jumlah pelaburan bernilai RM15.4 juta yang mana RM14.8 juta atau 95.9 peratus merupakan pelaburan asing dan 4.1 peratus adalah pelaburan domestik.

Di samping itu, sejumlah 33 projek R&D dengan pelaburan bernilai RM47.0 juta telah diluluskan di bawah skim bantuan kewangan lain.

### **Penjimatan/Kecekapan Tenaga**

Penjimatan tenaga atau penggunaan tenaga dengan lebih cekap adalah penting bagi memelihara alam sekitar serta mencapai pembangunan yang mampan. Untuk menggalakkan lebih banyak penggunaan sistem dan peralatan kecekapan tenaga oleh syarikat, Kerajaan melalui Bajet 2011 telah melanjutkan tempoh permohonan insentif cukai bagi penjimatan/kecekapan tenaga ini selama lima tahun lagi yang akan berakhir pada 31 Disember 2015.

Pada tahun 2010, tujuh projek penjimatan/kecekapan tenaga telah diluluskan insentif cukai berbanding enam projek pada tahun 2009. Jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM37.5 juta (2009: RM375.2 juta), yang mana 97.1 peratus adalah pelaburan domestik. Jumlah penjimatan tenaga daripada projek ini adalah sebanyak 1,614 MWh yang bernilai RM872,649.

### Kemudahan Rantaian Bilik Sejuk

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan rantaian bilik sejuk untuk hasil pertanian mudah rosak seperti buah-buahan, sayur-sayuran, bunga-bungaan, paku pakis dan daging serta produk-produk ternakan air adalah layak menikmati insentif cukai.

Pada tahun 2010, dua syarikat milik Malaysia di negeri Perak dan Pulau Pinang telah diluluskan insentif cukai dengan jumlah pelaburan bernilai RM34.1 juta. Syarikat-syarikat ini telah menyediakan kemudahan lori/bilik sejuk dan dingin kepada nelayan dan petani yang berdekatan.

### Gudang Terikat (*Bonded Warehouse*)

Gudang terikat (*bonded warehouse*) beroperasi sebagai satu pusat penyimpanan barang

(iaitu barang yang mana cukai dan duti Kastam masih belum dibayar). Aktiviti yang boleh dijalankan di dalam gudang ini adalah pergudangan, pecah pukal, pembungkusan semula, pelabelan semula barang import, penggabungan dan entrepot (*entreport*).

Pada tahun 2010, sejumlah 12 gudang terikat telah diluluskan. Jumlah pelaburan dalam projek ini bernilai RM30.5 juta yang mana 96.1 peratus adalah pelaburan domestik.

### Minyak dan Gas

Perkhidmatan carigali minyak dan gas mempunyai rangkaian yang substantif dengan industri perkhidmatan dan sokongan. Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi hab perkhidmatan bagi industri minyak dan gas di rantau Asia Pasifik kerana kewujudan aktiviti Petronas dan syarikat-syarikat minyak dan gas utama yang telah menubuhkan operasi serantau mereka di Malaysia.

Pada tahun 2010, satu projek milik rakyat Malaysia dengan pelaburan bernilai RM14.6 juta telah diluluskan insentif istimewa bagi menjalankan pengurusan integriti talian paip, pemeriksaan talian paip dan pembersihan talian paip kepada industri minyak dan gas.

# Bab 4

## PENGGALAKAN PELABURAN ASING

Misi Perdagangan dan Pelaburan	36
Lawatan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan Ketua Pengarah MIDA	37
Misi Projek Spesifik	38
Seminar Antarabangsa/Forum/Taklimat/ <i>Strike Force Missions</i> yang dianjur dan disertai oleh MIDA	39
Lawatan oleh Pelabur/Delegasi Asing	39
Pertanyaan Diterima dan Taklimat Diberikan	39
Aktiviti Perhubungan Awam	40
Pengiklanan dan <i>Advertisorial</i>	40
Pameran/Pesta Perdagangan Antarabangsa	40
<i>International Herald Tribune: Dawn of the New Decade Forum</i>	40
Hospitaliti Media	40

# 4 PENGGALAKAN PELABURAN ASING



MIDA adalah agensi penggalakan pelaburan pusat di Malaysia dan bertindak sebagai penghubung pertama bagi pelabur asing yang akan menimbang Malaysia sebagai lokasi pelaburan mereka. Pada tahun 2010, MIDA terus melaksanakan pelbagai program dan aktiviti promosinya bagi menggalakkan pelaburan asing dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Antara program yang telah dilaksanakan termasuk Misi Perdagangan dan Pelaburan, Mesyuarat Meja Bulat dan Seminar Mini, Misi Projek Spesifik Seminar Antarabangsa/Forum/*Strike Force Mission/dialog* dengan dewan perdagangan asing, Program Pemimpin Industri serta pengiklanan dan *advertorial*. Program ini disasarkan bagi menarik pelaburan baru serta pelaburan dalam

aktiviti pembesaran dan pelbagai, terutamanya dalam industri berteknologi tinggi, berintensif modal, berintensif pengetahuan dan bernilai ditambah tinggi.

## Misi Perdagangan dan Pelaburan

Pada tahun 2010, MIDA telah menganjur dan menyertai dalam enam misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara. Ahli delegasi terdiri daripada pegawai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta wakil dari sektor swasta. Seminar mengenai Peluang Perdagangan dan Pelaburan di Malaysia dan Mesyuarat Meja Bulat telah dianjurkan bersama dengan misi ini. Maklumat terperinci misi tersebut adalah seperti berikut:

### ► Jadual 3 - Misi Perdagangan Dan Pelaburan 2010

BIL PROGRAM	TARIKH
1. Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Eropah (Amsterdam, Hamburg dan Birmingham)	7 -13 Mac
2. Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Korea (Seoul dan Busan)	17-23 Julai
3. Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Singapura	4-5 Ogos
4. Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Amerika Syarikat (Atlanta, Philadelphia dan Washington DC)	18-22 September
5. Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Taiwan (Taipei dan Kaoshiung)	4-8 Oktober
6. Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Asia Barat (Doha, Riyadh dan Jeddah)	11-18 Disember

## **Lawatan oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan Ketua Pengarah MIDA**

Pada tahun 2010, MIDA juga terlibat dalam penganjuran seminar, Mesyuarat Meja Bulat,

Mesyuarat Tertutup dan lawatan ke syarikat sempena lawatan rasmi YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan Ketua Pengarah MIDA. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

► **Jadual 4 - Lawatan Oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI Dan Ketua Pengarah MIDA Pada Tahun 2010**

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>
1.	Lawatan YB Timbalan Menteri MITI ke China	5 Januari
2.	Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ke United Kingdom	10-14 Januari
3.	Lawatan YAB Perdana Menteri ke India	19-23 Januari
4.	Lawatan YAB Perdana Menteri ke Hong Kong	22-24 Mac
5.	Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ke Perancis	5-7 April
6.	Lawatan YAB Perdana Menteri ke Jepun	18-21 April
7.	Lawatan dan Kunjungan Menteri-menteri Ekonomi Asia Tenggara ke Amerika Syarikat	2-8 Mei
8.	Mesyuarat Meja Bulat dengan syarikat Amerika Syarikat terpilih dan Mesyuarat Tertutup dengan syarikat di Amerika Syarikat	5 Mei
9.	Lawatan YB Menteri MITI ke Singapura untuk <i>12th Asia-Pacific Conference of German Business</i>	12-14 Mei
10.	Lawatan YAB Perdana Menteri ke Laos PDR	2-4 Jun
11.	Lawatan YB Menteri MITI ke Jepun	4-7 Jun
12.	Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ke Indonesia	28-29 Jun
13.	Lawatan YB Menteri MITI ke Shanghai, Republik Rakyat China	22-25 Julai
14.	Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri ke Republik Korea	26-29 Julai
15.	Lawatan YB Menteri MITI ke Indonesia	1-3 Ogos
16.	Lawatan Kerja Ketua Pengarah MIDA ke Shanghai, Republik Rakyat China	18-21 September
17.	Lawatan YB Menteri MITI ke Australia sempena dengan <i>FORBES Global CEO Conference 2010</i>	27 September - 4 Oktober
18.	Lawatan YAB Perdana Menteri ke Belgium	3-5 Oktober
19.	Lawatan YB Menteri MITI dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Singapura	6-7 Disember

## Misi Projek Spesifik

Sejumlah 32 Misi Projek Spesifik telah dianjurkan untuk bertemu dengan syarikat yang disasarkan di

negara terpilih pada tahun 2010. Misi ini telah bertemu dengan syarikat di dalam industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan bernilai ditambah tinggi. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

► Jadual 5 - Misi Projek Spesifik Pada Tahun 2010

BIL SEKTOR DISASARKAN	NEGARA DILAWATI	TARIKH
1. Backlighting, Paparan dan Komponen Elektronik	Jepun	17-24 Februari
2. Pemprosesan Makanan	Singapura	7-9 April
3. Industri Perkhidmatan Perniagaan dan Pelbagai	Emiriyah Arab Bersatu (Dubai)	13-15 April
4. Polimer, Kimia dan Oleokimia	Taiwan	25 April-2 Mei
5. Jentera dan Kelengkapan	Amerika Syarikat	1-14 Mei
6. Besi dan Keluli, Keluli Khusus dan Produk-Produk Logam Bukan Ferus	Eropah (Sweden, Itali, Sepanyol)	9- 21 Mei
7. R&D untuk Perabot, <i>Duplex Board</i> dan Biomass Kelapa Sawit	Jepun and Korea	9-20 Mei
8. Industri Makanan	Jepun	18-27 Mei
9. Industri Perniagaan dan Perkhidmatan Lain	Korea	24-28 Mei
10. Solar, LED, Kimia dan Polimer	Jepun (Osaka, Tokyo)	23 Mei-5 Jun
11. OHQ, IPC dan RDC	India	30 Mei-6 Jun
12. Industri Peranti Perubatan dan Farmaseutikal	Amerika Syarikat (Los Angeles, Chicago, New York dan Boston)	31 Mei-12 Jun
13. Reka bentuk IC dan Semikonduktor	Eropah (Perancis, Jerman dan UK)	7-17 Jun
14. Komponen Elektronik Automotif	Korea (Seoul) Jepun (Tokyo dan Osaka)	13-19 Jun
15. Seramik Termaju, <i>Technical/Functional Textiles</i> dan Produk Bangunan Hijau	Amerika Syarikat	19 Jun-4 Julai
16. Industri Solar	Jepun (Tokyo, Osaka)	30 Jun-9 Julai
17. OHQ, IPC dan RDC	Australia	1-7 Julai
18. Pengilangan Bahagian Pesawat dan Sub-sektor Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baikpulih (MRO)	Eropah (Jerman, Austria, Switzerland, Perancis dan UK)	7-21 Julai
19. Elektronik	Amerika Syarikat (San Jose, Los Angeles dan Chicago)	12-24 Julai
20. Industri Makanan	Republik Rakyat China (Yinchuan, Changchun dan Shanghai)	25 September-2 Oktober
21. Industri Perniagaan dan Perkhidmatan Lain	Eropah (Jerman, Perancis dan UK)	26 September-5 Oktober

BIL SEKTOR DISASARKAN	NEGARA DILAWATI	TARIKH
22. Jentera dan Kelengkapan	Korea dan Jepun	26 September-8 Oktober
23. Industri Peranti Perubatan dan Farmaseutikal	Eropah (Jerman, Switzerland, Itali, Perancis dan UK)	2-15 Oktober
24. Industri Makanan	Eropah (Perancis, Belanda dan Switzerland)	18-30 Oktober
25. Polimer, Kimia dan Oleokimia	Eropah (Itali, Jerman, UK dan Perancis)	17 – 31 Oktober
26. Jentera dan Peralatan	Eropah (Jerman, Belanda, Itali dan Switzerland)	1-12 November
27. Industri Solar dan ICT	Eropah (Itali, Sweden dan UK)	16 – 30 November
28. Industri Perniagaan dan Perkhidmatan Lain	Australia	21-28 November
29. Seramik Termaju, <i>Technical/Functional Textiles</i>	Korea and Jepun	28 November-9 Disember
30. Kayu Lapis Bergam, Produk Kertas dan Biomas Kelapa Sawit (Kertas Khusus dan Keselamatan)	Eropah (Belanda, Austria, Jerman dan UK)	29 November-8 Disember
31. OHQ, IPC dan RDC	Republik Rakyat China (Guangzhou) dan Hong Kong	12-21 Disember
32. Besi dan Keluli, Keluli Khusus dan Produk-Produk Logam Bukan Ferus	Jepun dan Korea	12-23 Disember

## Seminar Antarabangsa/Forum/Taklimat/*Strike Force Missions* yang dianjur dan disertai oleh MIDA

MIDA telah menganjur dan menyertai Seminar Antarabangsa/Forum/Taklimat di Luar MIDA/ *Strike Force Mission* sebagai strategi promosi pada tahun 2010. Berikut adalah pecahan aktiviti mengikut kategori program:

- **Jadual 6** - Seminar Antarabangsa/Forum/Taklimat/*Strike Force Missions* Pada tahun 2010

BIL	PROGRAM	JUMLAH ACARA
1.	Seminar Antarabangsa	8
2.	Forum	8
3	Taklimat di Luar MIDA	6
4	<i>Strike Force Mission</i>	1

## Lawatan oleh Pelabur/Delegasi Asing

Pada tahun 2010, MIDA telah menerima sejumlah 358 lawatan oleh pelabur/delegasi dari luar negara. Mereka telah diberi taklimat oleh MIDA mengenai polisi, kemudahan, insentif dan peluang pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Di samping itu, MIDA juga telah bekerjasama dengan Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri, agensi Kerajaan lain serta sektor swasta bagi memudahkan lawatan ini.

## Pertanyaan Diterima dan Taklimat Diberikan

Sepanjang tahun 2010, MIDA telah menerima lebih daripada 2,500 pertanyaan daripada syarikat asing dan tempatan mengenai penubuhan projek perkilangan dan perkhidmatan. MIDA

juga memberi taklimat kepada delegasi asing, sektor swasta, persatuan industri, dewan perniagaan dan agensi Kerajaan bagi memaklumkan kepada mereka mengenai polisi, insentif dan suasana operasi perniagaan terkini di Malaysia.

## Aktiviti Perhubungan Awam

MIDA terus menjalankan aktiviti perhubungan awamnya termasuk pengiklanan, lawatan wartawan, penyertaan dalam pameran dan pesta perdagangan dan Program Pemimpin Industri.

## Pengiklanan dan Advertorial

Pada tahun 2010, MIDA telah membuat pengiklanan dalam penerbitan domestik dan luar negara, yang merangkumi Forbes Asia, FDI, Financial Times, The Economist, Gulf Business, International Herald Tribune, Chosun Ilbo, Nikkei Business, Site Selection, Aswaq, Al-Khaleej dan Industry Europe.

## Pameran/Pesta Perdagangan Antarabangsa

MIDA terus menyertai dalam pameran dan pesta antarabangsa pada tahun 2010 bagi mewujudkan kesedaran mengenai peluang pelaburan di Malaysia. Pameran dan pesta antarabangsa ini juga menyediakan peluang untuk mewujudkan jalinan kerjasama di antara ahli perniagaan Malaysia dan asing bagi

meneroka peluang-peluang kerjasama perniagaan/usahasama dan mewujudkan usahasama. Pada tahun 2010, MIDA telah menyertai empat pameran di luar negara iaitu di Brunei Darussalam, Emiriyah Arab Bersatu, Singapura dan Republik Rakyat China.

## *International Herald Tribune: Dawn of the New Decade Forum*

Pada 27 dan 28 September 2010, MIDA dengan kerjasama *International Herald Tribune* telah menganjurkan *Dawn of the New Decade: Alternative Investment Forum*. Forum ini membincangkan isu mengenai pemulihan kewangan, potensi Asia membangunkan pelaburan alternatif dan kesan reformasi kewangan ke atas pelabur. YAB Timbalan Perdana Menteri bagi pihak YAB Perdana Menteri telah memberikan ucapan dasar pada hari kedua forum tersebut. Satu sidang akhbar telah diadakan selepas ucapan dasar untuk media tempatan dan luar negara.

## Hospitaliti Media

Pada tahun 2010, MIDA telah menganjurkan Hari Media untuk Industri Semikonduktor. Hari Media ini telah dianjurkan bagi memberi taklimat dan penerangan mengenai industri semikonduktor di Malaysia. MIDA juga telah menaja lima wartawan untuk melawat dan menemuramah syarikat semikonduktor terpilih yang sedang beroperasi di Pulau Pinang dan Kulim.



# Bab 5

## PENGGALAKAN PELABURAN DOMESTIK

Pengenalan	44
Seminar Pelaburan Domestik	44
Seminar Industri Spesifik	45
Dialog/Taklimat dengan Dewan Perniagaan/Persatuan/Agensi	45
Unit Pembangunan Perniagaan Bumiputera (BBDU)	46

# 5 PENGGALAKAN PELABURAN DOMESTIK



## Pengenalan

Model Baru Ekonomi (MBE) memberi penekanan kepada penyertaan bersama yang menjurus kepada perkongsiawam-swasta yang akan meningkatkan lebih ramai penyertaan sektor swasta dalam memacu ekonomi negara. Pelaburan swasta domestik disasarkan akan menjadi enjin pertumbuhan utama dan terus dirangsang oleh persekitaran perniagaan, polisi pelaburan dan insentif-insentif lain yang komprehensif. Ini adalah bagi memastikan pertumbuhan yang mampu dan pempelbagian asas ekonomi.

Antara inisiatif yang diambil oleh MIDA bagi menarik lebih banyak penglibatan pelabur domestik adalah dengan menawarkan insentif-insentif menarik bagi syarikat Malaysia yang melakukan pelaburan di dalam bidang/aktiviti yang digalakkan, memupuk syarikat tempatan yang dikenalpasti akan menjadi pemain utama dalam industrinya, mempergiatkan lagi usaha memadankan rakan perniagaan dan penggabungan di antara syarikat Malaysia, dan terus mempromosi persekitaran perniagaan yang mesra pelabur.

MIDA akan terus menyebar dan mengemaskini maklumat berkenaan polisi pelaburan, insentif, peluang perniagaan dan perkhidmatan sokongan yang disediakan bagi pelabur Malaysia melalui program *outreach* yang akan dijalankan di seluruh negara. Di antara inisiatif *outreach* yang dijalankan

pada tahun 2010 adalah Seminar Pelaburan Domestik, Seminar Industri Spesifik dan mesyuarat/dialog dengan pelbagai dewan perniagaan dan persatuan perindustrian tempatan.

## Seminar Pelaburan Domestik

MIDA dengan kerjasama SME Corporation Berhad (SME Corp) telah menganjurkan tiga seminar domestik di Kuala Lumpur, Sabah, dan Sarawak pada tahun 2010. Sejumlah 2,582 peserta telah menyertai seminar ini. Seminar ini telah dibiayai oleh *Export-Import Bank of Malaysia (EXIM Bank)*, *RHB Bank*, *Labuan Financial Services Authority (LFSA)* dan *Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)* dengan sokongan agensi di bawah MITI, agensi Kerajaan negeri, Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia dan persatuan-persatuan industri.

Seminar ini diadakan dengan objektif berikut:

- untuk meningkatkan kesedaran dan menekankan kepentingan sektor perkhidmatan kepada pembangunan ekonomi Malaysia;
- untuk menyediakan maklumat terkini mengenai polisi kerajaan, insentif dan kemudahan kepada pembekal perkhidmatan Malaysia;
- untuk mengenalpasti dan mempromosi peluang pelaburan yang terdapat dalam sektor perkhidmatan; dan

► **Jadual 7** - Seminar Pelaburan Domestik Pada Tahun 2010

BIL PROGRAM	LOKASI	TARIKH
1. Seminar dan Dialog Pelaburan Domestik Kebangsaan	Kuala Lumpur	23 Februari
2. Seminar dan Dialog Pelaburan Domestik, Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	1 Julai
3. Seminar dan Dialog Pelaburan Domestik, Sarawak	Kuching, Sarawak	8 Oktober

- untuk menyediakan forum bagi komuniti peniaga untuk berhubung dengan agensi utama Kerajaan.

### **Dialog/Taklimat dengan Dewan Perniagaan/Persatuan/Agenzi**

Dalam merapatkan lagi jalinan kerjasama di kalangan pelabur domestik, MIDA juga mengambil inisiatif menganjurkan empat sesi dialog dengan pelbagai dewan perniagaan dan persatuan industri pada tahun 2010. Dialog ini membolehkan dewan perniagaan dimaklumkan mengenai polisi terbaru berkenaan program penggalakan pelaburan yang dianjurkan oleh MIDA dan juga menyediakan satu wadah bagi pertukaran idea mengenai isu-isu yang berkaitan.

### **Seminar Industri Spesifik**

Empat seminar industri spesifik telah dianjurkan sepanjang tahun 2010 mengenai Industri Berasaskan Kayu dan Pemprosesan Makanan, Peluang Penyumberan Luar dan Industri Elektronik di Malaysia. Seminar tersebut masing-masing telah diadakan di Kuala Terengganu, Kota Bharu, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

► **Jadual 8** - Seminar Industri Spesifik Pada Tahun 2010

BIL PROGRAM	LOKASI	TARIKH
1. Seminar Mengenai Peluang Perniagaan Dalam Industri Berasaskan Kayu	Kuala Terengganu, Terengganu	5 Julai
2. Seminar Mengenai Peluang Perniagaan Dalam Industri Pemprosesan Makanan	Kota Bharu, Kelantan	5 Ogos
3. Seminar Mengenai Peluang Penyumberan Luar di Malaysia	Johor Bahru, Johor	27 - 28 Julai
4. Seminar Industri Elektronik	Pulau Pinang	29 - 30 November

## **Unit Pembangunan Perniagaan Bumiputera (BBDU)**

BBDU telah ditubuhkan di MIDA dengan peranan untuk menggalakkan penyertaan golongan Bumiputera yang lebih tinggi dan efektif dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sehubungan ini, BBDU telah melaksanakan lima program pada tahun 2010 seperti dialog/taklimat/bengkel/mesyuarat dengan Dewan Perniagaan/Persatuan/Agensi/syarikat Bumiputera dan Sesi Jalinan Kerjasama dengan GLC/syarikat Malaysia.

MIDA juga telah menyertai pameran-pameran secara aktif bagi memberi maklumat lanjut dan mewujudkan kesedaran mengenai peluang-peluang perniagaan kepada komuniti peniaga tempatan. Antara pameran tersebut adalah:

- *GreenTechAsia 2010*;
- *MTA Malaysia 2010*; dan
- *SMIDEX 2010*.

### ► **Jadual 9 - Dialog/Taklimat Bersama Dewan Perniagaan/Persatuan/Agensi Pada Tahun 2010**

<b>BIL PROGRAM</b>	<b>LOKASI</b>	<b>TARIKH</b>
1. Dialog bersama Syarikat-Syarikat Malaysia di Johor	Johor Bahru, Johor	20 April
2. Dialog bersama Syarikat-Syarikat Malaysia	Miri, Sarawak	29 April
3. Sesi Jalinan Kerjasama Bersama Dewan Perniagaan Tempatan dan Persatuan Industri	Kuala Lumpur	12 Oktober
4. Sesi Jalinan Kerjasama serta Majlis Makan Malam dengan Syarikat-Syarikat Asing dan Syarikat Malaysia di Melaka	Melaka	4 Disember
5. Sesi Jalinan Kerjasama dan Majlis Makan Tengahari dengan Peniaga-Peniaga Wanita	Kuala Lumpur	17 Disember



# Bab 6

## PENGGALAKAN PELABURAN SEBERANG SEMPADAN

Pengenalan	50
Trend Pelaburan Malaysia di Luar Negara	50
Promosi CBI	50
Seminar Mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan di Negara Disasarkan	50
Lawatan dan Dialog	51
Program Familiarisasi (Negara Selatan-Selatan dan Negara OIC)	51

# 6

# PENGGALAKAN PELABURAN SEBERANG SEMPADAN



## Pengenalan

Syarikat-syarikat Malaysia digalakkan untuk meneroka ke seberang laut memandangkan mereka berkedudukan baik untuk merebut peluang-peluang perniagaan baru melalui pelaburan seberang sempadan (CBI). CBI akan membolehkan syarikat Malaysia menjadi sebahagian daripada rangkaian pengeluaran global melalui pengembangan saluran pemasaran, perolehan teknologi baru dan mendapatkan bekalan berkos rendah di luar negara. Ini akan meningkatkan daya saing syarikat Malaysia dalam menghadapi cabaran persekitaran ekonomi global yang mencabar.

## Trend Pelaburan Malaysia di Luar Negara

Pada tahun 2010, pelaburan langsung Malaysia di Luar Negara (DIA) berjumlah RM42.6 bilion iaitu peningkatan sebanyak 52.7 peratus daripada RM27.9 bilion pada tahun 2009. Pertambahan DIA yang mendadak ini disebabkan oleh peningkatan minat syarikat Malaysia untuk mempelbagaikan operasi mereka di luar negara berikutan pemulihan ekonomi global. Destinasi utama pelaburan Malaysia pada tahun 2010 adalah ke negara-negara ASEAN yang menyumbang 41.8 peratus daripada jumlah keseluruhan DIA. Destinasi utama yang lain adalah Australia, United Kingdom, Hong Kong dan Korea. Sebahagian daripada pelaburan syarikat Malaysia disalurkan

melalui pusat kewangan luar pesisir antarabangsa sebelum ianya disalurkan semula ke destinasi akhir. Sektor utama termasuk perantara kewangan, perlombongan dan kuari, perkhidmatan, perdagangan/perniagaan dan perkilangan.

## Promosi CBI

MIDA telah ditugaskan bagi mempromosi CBI sejak tahun 2002. Antara inisiatif dan program yang telah dijalankan pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- Menganjurkan seminar mengenai peluang perniagaan dan pelaburan bagi negara yang disasarkan;
- Mengadakan jalinan kerjasama dengan Agensi Penggalakan Pelaburan/ Lembaga Pelaburan di negara yang disasarkan; dan
- Menilai dan meluluskan permohonan bagi Dana Pembangunan Perniagaan di Negara Ketiga Malaysia – Singapura.

## Seminar Mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan di Negara Disasarkan

Pada tahun 2010, MIDA telah bekerjasama dengan pelbagai kedutaan asing di Kuala Lumpur dan agensi penggalakan pelaburan negara-negara berkenaan dalam menganjurkan tujuh seminar di Malaysia

mengenai peluang-peluang perniagaan dan pelaburan di negara yang disasarkan seperti berikut:

- Seminar mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan di Bangladesh (8 Januari);
- Seminar mengenai Peluang Perniagaan di Venezuela (16 April);
- Seminar mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan di Sri Lanka (20 Mei);
- Seminar mengenai Peluang Perniagaan di Yemen (24 Jun);
- Seminar mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan di Lesotho (29 Jun);
- Seminar mengenai Peluang Pelaburan di Iran (1 Julai); dan
- Seminar mengenai Peluang Perniagaan dan Pelaburan di Zambia (26 Julai).

Objektif seminar ini adalah:

- untuk memberi maklumat terkini kepada peserta mengenai polisi serta prosedur, peluang perniagaan dan pelaburan yang terdapat di negara pengajur; dan
- untuk menyediakan wadah jalinan kerjasama dan mengenalpasti petunjuk perdagangan dan pelaburan di negara berkenaan.

## Lawatan dan Dialog

Pada tahun 2010, MIDA telah menerima kunjungan 77 delegasi dari negara-negara seperti Indonesia, Sudan, Bangladesh, Kazakhstan, Nigeria dan Mauritius. Objektif lawatan ini adalah untuk mengukuhkan hubungan dua hala dan menarik minat perniagaan dan pelaburan daripada syarikat Malaysia.

## Program Familiarisasi (Negara Selatan-Selatan dan Negara OIC)

Dua Program Familiarisasi telah dianjurkan pada tahun 2010 seperti berikut:

- Program Familiarisasi bagi Pegawai-pegawai Agensi Penggalakan Pelaburan Negara Selatan-Selatan – dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP); dan
- Program Familiarisasi bagi Pegawai-pegawai Agensi Penggalakan Pelaburan dari Negara Ahli Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) – dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah MTCP dan Bank Pembangunan Islam (IDB).

Objektif program ini termasuk:

- berkongsi pengalaman Malaysia di dalam menggalak dan menyelaras pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia;
- mempelajari mengenai pembangunan terkini dan amalan terbaik Agensi Penggalakan Pelaburan; dan
- merapatkan lagi hubungan baik serta mengukuhkan pertalian melalui jalinan kerjasama dan perkongsian pengalaman antara negara-negara peserta.

# Bab 7

## HUBUNGAN ANTARABANGSA

Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)	54
Kerjasama Pelaburan	54
Kerjasama Perdagangan	55
Hubungan Luar ASEAN	55
Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)	56
Kerjasama Ekonomi Dua Hala	56
Hubungan Perdagangan Pelbagai Hala	56



## Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)

Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA) yang merupakan penambahbaikan kepada Skim Tarif Keutamaan Sama Rata Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA-CEPT) telah berkuatkuasa pada 17 Mei 2010. ATIGA menyatukan kesemua inisiatif, kewajipan dan komitmen sedia ada ASEAN mengenai perdagangan intra-ASEAN dalam barang, termasuk elemen tarif dan bukan tarif dalam satu dokumen yang komprehensif.

Berdasarkan kepada komitmen di bawah skim ASEAN CEPT, duti import ke atas 99.65% baris tarif dalam *Inclusion List* bagi ASEAN-6 (Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura, Filipina dan Thailand) telah dimansuhkan berkuatkuasa pada 1 Januari 2010.

Satu lagi pencapaian utama pada tahun 2010 adalah pelaksanaan projek perintis bagi memulakan Sistem Persijilan Sendiri oleh tiga Negara Ahli Peserta khususnya Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura bermula pada 1 November 2010 untuk tempoh masa setahun bagi menyahut keperluan untuk memperkemas prosedur peraturan tempasal bagi memudahkan perdagangan barang yang berasal dari ASEAN.

ASEAN juga terus memperkuuh dan mendalami hubungan ekonomi dengan rakan perdagangan

dan dialog utama menerusi penubuhan kawasan perdagangan bebas serantau. Pada tahun 2010, perjanjian-perjanjian berikut telah berkuatkuasa:

- Perjanjian Pelaburan ASEAN-China yang ditandatangani pada 15 Ogos 2009 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2010;
- Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN-India yang ditandatangani pada 13 Ogos 2009 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2010; dan
- Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia New Zealand yang ditandatangani pada 27 Februari 2009 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2010.

Peranan MIDA dalam proses kerjasama ekonomi ASEAN meliputi kerjasama dalam akses pasaran dan kemudahan perdagangan barang, serta kerjasama dalam promosi, fasilitasi dan liberalisasi pelaburan.

## Kerjasama Pelaburan

Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) yang ditandatangani pada 26 Februari 2009 melibatkan kajian semula, penggabungan dan penambahbaikan Perjanjian Rangkakerja sedia ada mengenai Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) yang telah ditandatangani pada tahun

1998 dan Perjanjian ASEAN bagi Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan (IGA) yang telah ditandatangani pada tahun 1987.

Pada masa ini, Jawatankuasa Penyelaras ASEAN sedang memuktamadkan senarai pengecualian di bawah ACIA dan meneruskan kerja-kerja untuk menambahbaik persekitaran pelaburan ASEAN. Antara pencapaian CCI pada tahun 2010 termasuk:

- *Road Show* Menteri-Menteri Asia Tenggara ke Amerika Syarikat yang tertumpu kepada penggalakan ASEAN sebagai destinasi pelaburan;
- Ekspo Tahunan ASEAN-China (CAEXPO), di Nanning, China;
- Rantaian-Web Agensi-Agenzi Penggalakan Pelaburan (IPA) kepada Urusetia ASEAN;
- Kajian berterusan yang dibiayai oleh Program Kerjasama Pembangunan ASEAN-Australia Fasa II (AADCP II);
- Penerbitan-Web *Annual ASEAN Investment Report* dan *Statistics of FDI in ASEAN 2010* di laman web Urusetia ASEAN; dan
- Kerjasama dengan *Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD)* mengenai polisi pelaburan termasuk jemputan ke Dialog Khas dengan Jawatankuasa Pelaburan OECD dan Persidangan Polisi Pelaburan ASEAN-OECD.

## Kerjasama Perdagangan

Jumlah perdagangan ASEAN menurun sebanyak 19 peratus daripada US\$1.9 trilion pada tahun 2008 kepada US\$1.5 trilion pada tahun 2009. Ini adalah selaras dengan perdagangan global yang mengalami jumlah penurunan sebanyak 22.6 peratus pada tahun 2009. Perdagangan intra-ASEAN telah menurun sebanyak 20.0 peratus

dan begitu juga perdagangan dengan negara-negara lain di dunia yang menguncup sebanyak 18.7 peratus. Perdagangan ASEAN dengan Rakan Dialognya kekal kukuh walaupun dengan krisis kewangan/ekonomi global. Walaupun dengan penurunan sebanyak 9.5 peratus dalam jumlah dagangan, China muncul sebagai rakan perdagangan terbesar ASEAN pada tahun 2009. Kesatuan Eropah dan Jepun adalah rakan perdagangan kedua dan ketiga terbesar ASEAN walaupun terdapat penurunan ketara dalam jumlah dagangan iaitu masing-masing 17.6 peratus dan 25.0 peratus. Lebihan dagangan ASEAN dengan negara-negara lain dunia mencapai US\$61.2 bilion pada tahun 2009 iaitu melebihi dua kali ganda paras pada tahun 2008.

Usaha berterusan telah dijalankan untuk memudahkan dagangan antara ASEAN dan untuk meningkatkan akses pasaran. Pada tahun 2010, MIDA terus menyertai mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kecil mengenai Peraturan Tempasal ATIGA (SC-AROO) dan Jawatankuasa Penyelaras mengenai Pelaksanaan ATIGA (CCA).

Tugas-tugas jawatankuasa-jawatankuasa tersebut pada tahun 2010 termasuk:

- Pelaksanaan Projek Perintis Persijilan Sendiri;
- Penyelesaian isu-isu perlaksanaan; dan
- Kajian Semula Senarai Pengecualian Am (GEL).

## Hubungan Luar ASEAN

Pada tahun 2010, ASEAN meneruskan usaha untuk mempertingkatkan inisiatif integrasi ekonomi serantau dengan Rakan-Rakan Dialognya. MIDA telah menyertai inisiatif-inisiatif ini dengan memberi sokongan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN dengan menyediakan input dan cadangan-cadangan dalam bidang perdagangan barang

(termasuk peraturan tempasal) dan pelaburan. Rundingan-rundingan FTA tersebut adalah seperti berikut:

- Kerjasama Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun mengenai Bab Pelaburan;
- Perjanjian Pelaburan ASEAN-India; dan
- FTA ASEAN-Australia/New Zealand – Program Kerja mengenai Bab Pelaburan.

## Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)

MIDA terus menjadi agensi peneraju Malaysia bagi mesyuarat Kumpulan Pakar Pelaburan (IEG). Tiga mesyuarat telah diadakan di Jepun pada tahun 2010.

Sumbangan MIDA kepada pencapaian IEG bagi tahun ini termasuk:

- Menjadi titik fokus Portal-E APEC mengenai Garis Panduan Regim Pelaburan Negara-negara Ahli APEC yang bertanggungjawab dalam menyedia dan mengemaskini maklumat tentang rejim pelaburan Malaysia;
- Menyediakan maklumat dan mengenal pasti program-program utama bagi keseluruhan Strategi Pelaburan APEC (*Roadmap for Investment*) 2010;
- Penyertaan dalam *APEC Seminar on Capacity Building for Sharing Success Factors of Improvement of Investment*; dan

- Meneruskan penyertaan dalam program Pelan Tindakan Fasilitasi Pelaburan (IFAP) yang dicadangkan oleh Negara-negara Ahli bagi mempercepatkan integrasi ekonomi serantau.

## Kerjasama Ekonomi Dua Hala

Pada tahun 2010, MIDA terus menyertai di dalam rundingan FTA dua hala dengan rakan-rakan perdagangannya. Peranan MIDA merangkumi rundingan untuk mendapatkan akses pasaran bagi perdagangan barang, peraturan tempasal dan pelaburan. Fokus utama dalam tugas ini termasuk:

- FTA Malaysia - Turkey;
- FTA Malaysia - Australia; dan
- CECA Malaysia – India.

## Hubungan Perdagangan Pelbagai Hala

Pada tahun 2010, MIDA terus memainkan peranan di dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai modaliti akses pasaran bagi produk bukan pertanian dan penghapusan tarif bagi barang berkaitan alam sekitar.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang menjadi titik fokus dalam menggabung dan menyelaras kedudukan Malaysia mengenai perdagangan antarabangsa dan pelaburan secara berterusan telah merujuk kepada MIDA tentang pelbagai isu berkaitan perdagangan dan pelaburan.



# Bab 8

## LEMBAGA

Fungsi MIDA	60
Carta Organisasi MIDA	61
Mesyuarat Lembaga	62
Sidang Media Tahunan 2010	62
Pembangunan Sumber Manusia	62
Pemerkasaan dan Pengkorporatan MIDA	62
Penubuhan Jawatankuasa Nasional Berkenaan Pelaburan	63
Penubuhan Pasukan Petugas Khas Nasional Berkenaan Pelaburan	63

# 8 LEMBAGA



MIDA adalah agensi utama Kerajaan bagi penggalakan dan penyelarasan pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan (kecuali perkhidmatan utiliti dan kewangan).


MIDA telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan, 1965 sebagai sebuah badan berkanun di bawah penyeliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

## Fungsi MIDA

Fungsi-fungsi MIDA adalah seperti berikut:

- (a) Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan sektor perkilangan dan perkhidmatan (kecuali sektor utiliti dan kewangan) di dalam dan di luar Malaysia;
- (b) Menjalankan atau meminta pihak lain menjalankan penyelidikan dan perancangan mengenai perkara berkaitan pembangunan sektor perindustrian dan perkhidmatan serta penstrukturran semula;
- (c) Menasihat Kerajaan mengenai pemberian lesen pengilang, insentif, jawatan pegawai dagang dan kemudahan lain yang berkaitan dengan penggalakan, pembangunan dan penyelarasan industri;
- (d) Menasihat Kerajaan mengenai langkah-langkah bagi penggalakan industri dan perkhidmatan berkaitannya, termasuk pengenaan atau pemindaan, dan pengecualian daripada cukai kastam dan cukai-cukai lain, serta pelesenan import dan eksport;
- (e) Memudahkan dan membantu aktiviti institusi Persekutuan dan Negeri yang terlibat atau berkait dengan pembangunan perindustrian dan perkhidmatan berkaitannya;
- (f) Menyediakan perkhidmatan perundingan termasuk latihan dan bantuan teknikal;
- (g) Menjalankan mana-mana aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain selaras dengan objektif Kerajaan berhubung dengan industri dan perkhidmatan berkaitannya;
- (h) Membantu syarikat-syarikat Malaysia dalam mencari teknologi dan peluang pelaburan di luar negara;
- (i) Melaporkan setiap tahun kepada Menteri mengenai kemajuan dan masalah berhubung perindustrian dan perkhidmatan berkaitannya di Malaysia serta mengemukakan syor yang sesuai untuk menanganinya;

# CARTA ORGANISASI MIDA



- (j) Menjalankan fungsi-fungsi lain yang konsisten dengan Akta ini sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Menteri; dan
- (k) Secara amnya menjalankan segala perkara samada yang berkaitan atau berbangkit daripada pelaksanaan kuasanya atau pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

## Mesyuarat Lembaga

Lembaga MIDA terdiri daripada 13 ahli, diketuai oleh Pengurus yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ahli lain terdiri daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan atau wakilnya, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Ketua Pengarah MIDA, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Industri Sabah dan Sarawak dan tujuh ahli lain yang mewakili sektor komersial, perkilangan, kewangan, industri dan perkhidmatan. Tujuh mesyuarat telah diadakan pada tahun 2010 termasuk dua Mesyuarat Lembaga Khas.

## Sidang Media Tahunan 2010

Sidang Media Tahunan telah diadakan pada 18 Januari 2011. Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed telah merasmikan Sidang Media dan mengumumkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan bagi tahun 2010. Syarikat-syarikat juga telah dijemput untuk berkongsi berita kejayaan pelaburan mereka di Malaysia. Sidang ini telah dihadiri oleh rakan-rakan dari media cetak dan elektronik, diplomat dari kedutaan asing yang berpengkalan di Malaysia, ketua pegawai eksekutif bagi syarikat multinasional dan GLC, pegawai kanan Kerajaan dan wakil bank.

## Pembangunan Sumber Manusia

Pada 2010, sejumlah 62 program latihan dalam dan 77 program latihan di luar pejabat telah dianjur dan diselaraskan. Program-program tersebut telah diadakan bagi mengembangkan pengetahuan dan tahap kecekapan kakitangan MIDA.

## Pemerkasaan dan Pengkorporatan MIDA

MIDA telah menyumbang dengan jayanya kepada pembangunan pesat industri Malaysia pada masa lalu dan akan terus memainkan peranan yang penting dalam pembangunan masa hadapan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan di negara ini. MIDA telah menjadi peneraju kepada usaha-usaha kerajaan dalam menarik pelaburan dan telah memberi penekanan terhadap usaha-usaha perniagaan, kecekapan dan keberkesanannya dalam memenuhi keperluan pelabur.

Selaras dengan visi bagi mencapai status negara maju, Kerajaan telah mengenalpasti perlunya untuk mengkaji semula peranan dan fungsi-fungsinya MIDA dengan segera. Sehubungan ini, pada 30 Mac 2010, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan empat perubahan penting kepada MIDA:

- (a) MIDA akan dinamakan semula sebagai Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dengan mengekalkan akronim MIDA;
- (b) MIDA akan dikorporatkan;
- (c) MIDA akan diperkasakan untuk berunding terus dengan pelabur; dan
- (d) MIDA akan dijadikan agensi penggalakan pelaburan pusat.

Perubahan-perubahan yang diumumkan oleh Kerajaan adalah penting bagi sebab-sebab berikut:

- (a) Perubahan pada nama adalah untuk menunjukkan kepada pelabur tentang skopnya yang lebih luas serta tumpuan dalam mengalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan;
- (b) Pengkorporatan akan menjadikan MIDA satu badan yang lebih fleksibel untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja dan bakat mengikut keperluannya bagi menjadi agensi penggalakan nasional yang bersaing di peringkat antarabangsa;
- (c) Pemerkasaan MIDA akan memberikan MIDA kuasa yang sewajarnya bagi berunding terus dengan pelabur bagi projek-projek yang disasarkan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Ini juga akan membolehkan MIDA meluluskan insentif dalam real time dan bertindak sewajarnya bagi menarik pelabur dengan lebih berkesan; dan
- (d) Pelantikan MIDA sebagai agensi penggalakan pelaburan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk utiliti dan perkhidmatan kewangan) akan membolehkan Kerajaan meningkatkan penyelarasan dan kohesi di antara badan penggalakan pelaburan yang lain di negara ini.

